

KESAN PENGARUH ISLAM DI ASIA TENGGARA: SATU KAJIAN DI KAMPUNG LAUT, TUMPAT, KELANTAN

IMPACT OF ISLAMIC INFLUENCE IN SOUTHEAST ASIA: A STUDY IN KAMPUNG LAUT, TUMPAT, KELANTAN

Mohd Khairul Nizam Bin Mat Yusoff^{1*}
Afifah Binti Azmi²

¹Sekolah Kebangsaan St. Patrick, Mukah, Sarawak (E-mail: zam_qn85@gmail.com)

²Universiti Teknologi Mara, Cawangan Sarawak Kampus Mukah (E-mail: afifah169@uitm.edu.my)

Article history

Received date : 7-4-2023
Revised date : 8-4-2023
Accepted date : 27-5-2023
Published date : 26-6-2023

To cite this document:

Mat Yusoff, M. K. N., & Azmi, A. (2023). KESAN Pengaruh Islam Di Asia Tenggara: Satu Kajian Di Kampung Laut, Tumpat, Kelantan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8 (53), 278 - 295.

Abstrak: Kampung Laut merupakan sebuah perkampungan Melayu tradisional yang terletak di sebelah barat Sungai Kelantan. Kampung ini juga dikenali sebagai Kampung Warisan. Ia terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu Kampung Laut I (sebelah hulu), Kampung Laut II (tengah) dan Kampung Laut III (sebelah hilir). Kampung ini merupakan lokasi strategik tempat persinggahan para pedagang dari pelbagai pelusuk dunia sekitar abad ke-16. Ramai para pendakwah berdagang di situ sambil berpeluang untuk menyebarkan agama Islam. Sehubungan dengan itu, penyebaran Islam di kawasan tersebut meninggalkan impak yang sangat luas dari aspek keagamaan, kesenian dan ekonomi. Kajian ini mengkaji tentang kesan pengaruh Islam di Kampung Laut yang menjadi suatu perkembangan pesat hingga ke hari ini. Metodologi kajian ini ialah bersifat kualitatif dengan bersumberkan buku-buku dan kajian lepas, pemerhatian serta temu bual berkaitan dengan isu kajian. Hasil kajian mendapati bahawa banyak kesan perkembangan dan pengaruh Islam di Kampung Laut untuk diketengahkan, antaranya Masjid Kampung Laut merupakan masjid yang tertua di Asia Tenggara. Selain itu, dari aspek kesenian adanya Dikir Rebana Kercing, iaitu persembahan dikir yang melibatkan kanak-kanak dan orang dewasa. Perkembangan dari aspek ekonomi pula melibatkan perniagaan dan perusahaan kecil yang terkemuka seperti serunding. Kesan pengaruh Islam khususnya di Kampung Laut memberi manfaat dan keistimewaan kepada masyarakat setempat. Dengan adanya kajian seperti ini, diharapkan maklumat dan informasi tentang kesan pengaruh Islam di Kampung Laut dapat diperluaskan pada masa hadapan.

Kata kunci: Ekonomi, Kesenian, Kesan, Islam, Pengaruh.

Abstract: Kampung Laut is a traditional Malay village located on the west side of the Kelantan River. This village is also known as a heritage village. It is divided into three parts, namely Kampung Laut I (upstream), Kampung Laut II (middle) and Kampung Laut III (downstream). This village is a strategic location where traders from various corners of the world stopped around the 16th century. Many preachers trade there while having the opportunity to spread Islam. In relation to that, the spread of Islam in the area left a very wide impact from religious,

artistic and economic aspects. This study examines the impact of Islamic influence in Kampung Laut which has been a rapid development until today. The methodology of this study is qualitative in nature by sourcing books and previous studies, observations and interviews related to the study issue. The results of the study found that there are many effects of the development and influence of Islam in Kampung Laut to be highlighted, among which the Kampung Laut Mosque is the oldest mosque in Southeast Asia. In addition, from the artistic aspect of Dikir Rebana Kercing, which is a dikir performance involving children and adults. The development from the economic aspect involves businesses and leading small enterprises such as serunding. The effect of Islamic influence, especially in Kampung Laut, provides benefits and privileges to the local community. With this study, it is hoped that information about the impact of Islam in Kampung Laut can be expanded in the future.

Keywords: *Art, Economy, Effect, Islam, Mosque.*

Pengenalan

Negeri Kelantan terletak di sebelah Pantai Timur Semenanjung Malaysia yang bersempadan dengan negeri Terengganu, Pahang dan juga negara Thailand. Kelantan mendapat pelbagai jenis gelaran seperti Negeri Cik Siti Wan Kembang, Tanah Serendah Sekebun Bunga dan juga Negeri Serambi Mekah. Negeri ini masih mengekalkan segala tradisi dan adat istiadat lama. Oleh sebab itu, Kelantan merupakan sebuah negeri yang kaya dengan pelbagai jenis kebudayaan tempatan, kesenian dan juga kegiatan agama. Kelantan dianggap sebagai sebuah negeri Melayu yang unik dan mempunyai sejarah serta rahsia yang tersendiri. Ramai sejarawan mengiktiraf bahawa bumi Kelantan merupakan tempat lahirnya ramai ulama yang menimba ilmu di Timur Tengah terutamanya di Mekah dan di Mesir. Sesungguhnya peranan ulama memainkan peranan penting dalam perkembangan Islam di Kelantan bahkan di Malaysia. Perkembangan Islam di Kelantan bermula ketika Patani masih merupakan sebahagian daripada Kelantan iaitu pada abad ke-19M. Pada ketika itu, lahirlah beberapa ulama Islam yang masyhur yang pernah menterjemah beberapa kitab karangan para ulama yang terkenal ke dalam Bahasa Melayu. Ini termasuklah Almarhum Syeikh Daud B. Abdullah Al-Fatani pada tahun 1809M (Mohamed, 1984).

Negeri Kelantan memiliki sepuluh jajahan antaranya Kota Bharu, Pasir Mas, Tumpat, Pasir Puteh, Kuala Krai, Machang, Tanah Merah, Jeli dan Gua Musang. Kampung Laut merupakan sebuah kampung yang terletak di jajahan Tumpat. Kampung Laut merupakan sebuah perkampungan Melayu tradisional yang terletak di sebelah barat Sungai Kelantan. Kedudukan kampung ini terletak lebih kurang 3.5 kilometer melalui jalan sungai dan 15 kilometer melalui jalan darat dari ibu negeri, Kota Bharu. Kampung Laut terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu Kampung Laut I atau sebelah Hulu, Kampung Laut II atau tengah dan Kampung Laut III atau sebelah hilir (Mohd.Akib, 2003). Mengikut pentadbiran, kampung ini berada di dalam daerah Sungai Pinang dan di bawah jajahan Tumpat. Kampung ini mempunyai seorang penghulu untuk menguruskan hal ehwal penduduk kampung dan sebarang masalah terus dirujuk kepada Penggawa Daerah sebelum dibawa kepada Ketua Jajahan. Luas Kawasan ini 3.2 kilometer persegi, terdiri daripada kawasan sawah padi dan kawasan dusun. Ianya boleh dihubungkan dengan jalan sungai iaitu motobot, jalan keretapi ke Palekbang dan jalan raya. Tetapi stesen kereta api di Palekbang telah pun ditutup. Mengikut bancian tahun 1970 penduduknya lebih kurang 4000 orang, kebanyakan penduduk orang Melayu beragama Islam. Hanya terdapat sedikit daripada penduduknya berketurunan Siam.

Sehingga kini belum dapat dipastikan tarikh atau masa pembukaan Kampung Laut dan mula didiami penduduk. Begitu juga bagaimana muncul nama Kampung Laut tidak dapat dipastikan. Mengikut kenyataan orang tua-tua bahawa kampung itu asalnya tumbuh rapat di tepi pantai Laut China Selatan. Kemudian melalui proses perubahan alam di mana muka kuala sungai Kelantan sedikit demi sedikit menjadi delta dan dalam jangka masa yang panjang kawasan kuala dan pantai makin jauh ke laut, lantaran itu kampung tersebut pada masa ini sudah jauh jaraknya dari laut. Di situlah dipercayai asal usul nama Kampung Laut (Mohd. Akib, 2003). Malah menurut Wan Idris (2009), dipercayai apabila seseorang penduduk Kampung Laut menggali tanah untuk dibuat perigi, didapati bahawa di bawah sana terdapat pelepah-pelepah kelapa yang telah lama.

Walaupun tidak dapat dipastikan kampung tersebut dibuka dan masa didiami oleh penduduknya, tetapi ternyata bahawa Kampung Laut sebuah kampung tertua di negeri Kelantan sezaman dengan Kampung Banggol, Kampung Penambang, Kampung Jeram dan lain-lain. Nama Kampung Laut mula disebut dalam sejarah Kelantan pada penghujung abad ke-18 lagi iaitu pada zaman Long Yunus menjadi Yang Dipertuan Kelantan. Semasa pemerintahan Long Yunus, salah seorang anaknya iaitu Tengku Long Ismail telah dilantik menjadi Raja Muda Kampung Laut dan bersemayam di sini (Khaliei, 1970). Malah pendapat mengatakan bahawa Kampung Laut telah wujud lebih awal daripada era Long Yunus menjadi Yang Dipertuan Kelantan (1763-1798). Sudah tentulah masa itu Kampung Laut sudah menjadi kampung yang besar dan penduduknya ramai sehinggakan Long Yunus menitahkan anaknya menjadi sebagai wakil pemerintah di Kampung Laut (Mohd. Akib, 2003).

Pada akhir abad ke-19 hingga awal abad ke-20 boleh dikatakan keseluruhan penduduk kampung terlibat dalam kegiatan perusahaan dan perniagaan. Terdapat sebahagian kecil sahaja yang terlibat dalam bidang pertanian. Pada masa itu, perhubungan utama ialah sungai. Pedagang-pedagang dari luar belayar memasuki sungai Kelantan melalui muara yang kedudukannya rapat dengan Kampung Laut. Secara tidak langsung Kampung Laut menjadi tempat persinggahan awal dan utama sebelum mudik ke Kota Bharu dan lain-lain tempat sepanjang sungai Kelantan (Muda, 2012).

Objektif Kajian

Terdapat beberapa objektif kajian yang mendorong penyelidik untuk membuat kajian mengenai kesan pengaruh Islam, khususnya di Kampung Laut:

- i. Mengkaji kesan pengaruh Islam di Kampung Laut dalam aspek keagamaan.
- ii. Mengkaji kesan pengaruh Islam di Kampung Laut dalam aspek kesenian.
- iii. Mengkaji kesan pengaruh Islam di Kampung Laut dalam aspek ekonomi.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan metodologi kajian kualitatif, di mana penulis telah menggunakan beberapa kaedah penyelidikan bagi proses dapatan data untuk kajian ini. Antaranya kaedah analisis dokumen dengan reka bentuk kajian analisis kandungan, kaedah pemerhatian dan temu bual. Dokumen-dokumen yang diperolehi daripada pembacaan asas bersumberkan buku, artikel, jurnal, majalah dan prosiding berkaitan dengan isu kajian merupakan sumber utama bahan bacaan. Kaedah kepustakaan ini telah dijalankan di beberapa tempat iaitu Perpustakaan Tun Seri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia dan Perpustakaan Institut Alam dan Tamadun Islam.

Selain itu, kaedah pemerhatian merupakan alternatif yang ada dalam pengumpulan maklumat atau data. Penulis telah menjalankan kaedah pemerhatian bermula pada tahun 2018 sehingga Mac 2023. Dalam kaedah ini, penulis melakukan tinjauan di lokasi dan mendapati perkembangan Masjid Kampung Laut dipindahkan dari Nilam Puri ke tempat asal iaitu Kampung Laut. Walaupun masjid tidak diletakkan di kedudukan yang asal, tetapi masjid ini telah dipindahkan ke kampung asal yang mana tapak asal masjid berada di tengah-tengah sungai Kelantan sekarang.

Kaedah temu bual juga digunakan bagi mendapatkan data dalam kajian ini. Antaranya penulis telah menemu bual dengan Imam Masjid Baru Kampung Laut iaitu Wan Mat Zain, Ahli Jawatankuasa Masjid Baru Kampung Laut, Pegawai Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan penduduk kampung. Keadah ini dilakukan bertujuan untuk mendapatkan data dan maklumat yang tepat berkaitan perkembangan Masjid Kampung Laut dan Dikir Rebana Kercing di Kampung Laut, Tumpat, Kelantan. Bentuk temu bual dijalankan secara bersemuka. Temu bual dilakukan secara formal dan tidak formal. Soalan yang disediakan adalah jenis 'open-ended' iaitu soalan yang membenarkan informen mengeluarkan pendapat mereka sendiri tanpa bentuk jawapan yang tertentu. Manakala temu bual tidak formal pula ketika berinteraksi dengan orang tua-tua di situ. Apa yang ingin dikatakan ialah maklumat temu bual secara tidak formal ini lebih banyak daripada maklumat yang diperolehi secara formal.

Ulasan Kepustakaan

Sebuah buku karangan Hj. Salleh Mohd. Akib telah diterbitkan pada tahun 2003 berjudul *Masjid Tua Kampung Laut* oleh Perbadanan Muzium Negeri Kelantan. Buku ini membicarakan berkenaan dengan perkembangan Islam di Kelantan, sejarah Kampung Laut, sejarah Masjid Kampung Laut dan perkembangannya serta masjid yang wujud sezaman dengan masjid ini. Secara keseluruhan, buku ini memberi pendedahan tentang perkembangan bangunan dari zaman pemerintahan Kesultanan Kelantan hingga ia dipindahkan ke Nilam Puri.

Buku berjudul *Warisan Kelantan IX* yang diselenggarakan oleh Nik Mohamed Nik Mohd. Salleh juga turut dikaji. Buku ini diterbitkan pada tahun 1990 oleh Perbadanan Muzium Negeri Kelantan membicarakan mengenai hubungan bangunan Masjid Kampung Laut dengan Champa dan Demak. Selain itu, ia membicarakan tentang sejarah batik, perkembangan ekonomi Kelantan, seni ukir perak Kelantan dan manuskrip Melayu di Kelantan.

Karangan berjudul *Wali Songo dengan Perkembangan Islam di Nusantara* oleh Hj. Abdul Halim Bashah yang diterbitkan pada tahun 1996 membincangkan tentang hubungan Kelantan dengan Champa dan sejarah Kelantan. Selain itu, buku ini juga membahaskan tentang keturunan Wali Songo, dakwah di Nusantara, penceritaan tentang empayar Majapahit, Hang Tuah, serta Masjid Kampung Laut dan Islam di Indonesia.

Karangan Abdul Razak Mahmud cetakan kedua tahun 2005 berjudul *Iktisar Sejarah Kelantan*. Buku ini membincangkan mengenai sejarah Kelantan, Kelantan di bawah naungan Long Yunus, Sultan Muhammad ke-IV, lagu dan bendera Kelantan, tempat-tempat bersejarah di Kelantan dan makam-makam bersejarah. Selain itu, buku ini membicarakan tentang perkembangan Pendidikan Islam di Kelantan, tokoh-tokoh ulama' dan masjid bersejarah di Kelantan.


Jurnal bertajuk *Rebana Kercing Seni Warisan Yang Semakin Ditinggalkan* oleh Ahmad Farhan bin Che Mohd Amran, Norin Izati binti Hussin, Azman Mat Isa diterbitkan pada tahun 2021.

Jurnal ini berkisarkan tentang seni warisan budaya di Negeri Kelantan yang semakin ditinggalkan. Beberapa faktor kemunculan dikir ini ialah disebabkan kedatangan pedagang ke Tanah Melayu untuk menjalankan aktiviti perdagangan. Maka dari situlah, menyebabkan terdapat banyak perkongsian budaya yang dibawa masuk ke dalam kehidupan masyarakat tempatan. Kelantan adalah antara negeri yang kaya dengan seni warisan kerana ia mempunyai Dikir Rebana Kercing, iaitu persembahan dikir yang melibatkan kanak-kanak dan orang dewasa. Kanak-kanak memikul tanggungjawab sebagai penari manakala orang dewasa pula bertanggungjawab sebagai pemalu rebana. Rebana Kercing giat dimainkan di Kampung Laut, Tumpat, Kelantan.

Sebuah lagi jurnal berkaitan *Perkembangan Dikir Rebana Kercing Di Kampung Laut, Tumpat Kelantan, Malaysia: Satu Tinjauan Awal* oleh Wan Nur Iylea Lyana & Norazlinda diterbitkan pada 2022. Penyelidikan ini akan mengupas dengan lebih mendalam mengenai perkembangan seni persembahan Dikir Rebana Kercing di Negeri Kelantan khususnya di Kampung Laut Tumpat bermula pada zaman permulaan sehingga kini. Penyelidikan ini telah mendapati bahawa perkembangan Dikir Rebana Kercing adalah berdasarkan penerimaan dan pemikiran setiap masyarakat serta amalan kehidupan mereka setelah kemunculan persembahan yang menggunakan irama moden dan juga irama Barat.

Hasil Kajian

Dalam bahagian ini, dapatan kajian akan dibincangkan bagi menjawab objektif kajian. Dapatan kajian dibahagi kepada tiga aspek mengikut objektif yang telah di senaraikan iaitu; aspek pertama akan membincangkan tentang keagamaan. Manakala di aspek kedua pula akan membincangkan mengenai kesenian yang terdapat di Kampung Laut. Seterusnya mengenai perbincangan tentang aspek ekonomi di Kampung Laut.



Rajah 1: Aspek pengaruh Islam di Kampung Laut

Aspek Keagamaan

Setelah menelusuri pengkajian tentang sejarah Kampung Laut, kesan pengaruh yang ditinggalkan oleh para ulama dan pendakwah Islam dari pelbagai pelusuk dunia dari sudut keagamanya yang masih kukuh dan tersergam indah hingga ke hari ini ialah Masjid Kampung Laut. Masjid Kampung Laut adalah masjid yang tertua di Malaysia bahkan di Nusantara. Binaanya amat unik yang berunsurkan Melayu Islam. Dikatakan bahawa masjid ini dibina tanpa menggunakan sebarang paku sebaliknya menggunakan pemasak. Oleh itu, masjid ini begitu indah dan menarik binaannya. Mendiang Professor Jaspan dari Universiti of Hull, UK pada tahun 1966 telah melawat Kelantan dan pernah melawat Masjid Kampung Laut berkata “dilihat dari segi arkitektur seni bangunan ini adalah sama dengan Masjid Demak di Jawa pada abad ke-15”(Al-Ahmadi, 1990).

Sejarah awal masjid Kampung Laut

Kewujudan Masjid Kampung Laut adalah satu bukti yang kukuh bahawa Islam telah bertapak di Kelantan sejak abad ke-16M atau abad ke-17M bahkan kemungkinan lebih awal lagi. Masjid Kampung Laut disenaraikan antara lima buah masjid yang tertua di Nusantara. Yang lain ialah Masjid Kuno Champa di Vietnam, Masjid Demak di Jawa Indonesia, Masjid Nat Tanjung di Patani, Thailand dan Masjid Wadi Al-Husin, di Teluk Manok, Narathiwat, Thailand. Kelima-lima masjid tersebut adalah berusia ratusan tahun yang masih utuh binaannya dan masih digunakan ke hari ini. Bagaimanapun, pada hari ini, Masjid Kuno Champa tidak dapat dikesan sama ada ia masih wujud atau telah lupus.

Tarikh tepat pembinaan Masjid Kampung Laut tidak dapat dikesan. Mengikut keterangan orang tua-tua di Kampung Laut, masjid tersebut telah sedia ada lebih kurang lima generasi yang lalu. Andaian yang dibuat dalam anggaran 400 tahun yang lalu. Mengikut pendapat ahli-ahli sejarah bahawa masjid tersebut adalah sama dengan masjid kuno di Champa dan Masjid Demak di Jawa. Masjid Demak telah didirikan pada tahun 1401 Masihi oleh sekumpulan alim ulama yang terkenal pada masa itu iaitu Wali Sembilan atau Wali Songo. Mereka itu dikatakan ada hubungan kekeluargaan dengan dinasti pemerintah Champa pada zaman tersebut. Bahkan terdapat keterangan yang menyatakan seorang Raja Majapahit telah berkahwin dengan salah seorang Puteri Islam dari Champa (Mohd. Akib, 2003).

Masjid Tua Kampung Laut telah dibina oleh sekumpulan alim ulama' yang sedang dalam perjalanan dari Champa menuju ke Tanah Jawa. Kemungkinan besar mereka itu adalah seangkatan dengan kumpulan Wali Sembilan ini. Sekiranya andaian ini benar, maka Masjid Kampung Laut mungkin telah dibina pada akhir dan ke-16M atau awal abad ke-17M iaitu terkemudian sedikit daripada Masjid Agung Demak di Jawa dan Masjid kuno di Champa. Ini bersesuaian dengan kenyataan bahawa pada abad ke-16M, Kerajaan Champa menjadi sebuah negeri Islam yang terkemuka dan telah memainkan peranan mengembangkan dakwah Islam ke kawasan Patani, Pantai Timur Malaysia dan Tanah Jawa. Dalam abad ke-18M pula, Kelantan menjadi tumpuan orang-orang Champa yang datang belajar dan memahami hukum-hukum Islam termasuk Khatib Sumat yang terkenal dalam sejarah di Champa (Mohd. Akib, 2003).


Mengikut cerita daripada masyarakat tempatan bahawa dalam pelayaran tersebut apabila tiba di perairan Kuala Kelantan, kapal yang dinaiki Wali Songo itu bocor dan dimasuki air. Lalu mereka bernazar jika kapal mereka selamat sampai ke darat yang terdekat, mereka akan mendirikan sebuah masjid di tempat tersebut. Dengan takdir Allah SWT pada tempat berlaku kebocoran kapal itu dimasuki ikan alu-alu lalu menjadi sebagai penyumbat dan penutup daripada dimasuki air ke dalam kapal mereka. Kemudian mereka meneruskan pelayaran dan selamat sampai ke daratan di tepi pantai letaknya di sebelah timur Kampung Laut sekarang. Di situ, kapal mereka yang bocor itu dibaiki semula. Terikat dengan nazar mereka, lalu mereka mendirikan sebuah masjid dengan pertolongan dan sokongan masyarakat setempat. Pelan dan bentuk bangunan masjid itu adalah sama dengan masjid di Champa dan masjid di Jawa (Mohd. Akib, 2003).

Kemudian mereka meneruskan pelayaran semula ke Tanah Jawa. Mengikut cerita orang tempatan, masjid tersebut dikendalikan oleh masyarakat tempatan setelah Wali Songo meneruskan pelayaran. Antara imam yang pernah berkhidmat di Masjid Kampung Laut pada Ketika itu ialah Tok Raja Imam dan Raja Haji. Kedua-dua imam ini merupakan imam yang terkenal pada masa itu. Tok Raja Imam juga dianggap sebagai keramat iaitu mempunyai "mulut masin". Semua anak mukim menghormati mereka. Bagaimanapun, Tok Raja Imam berpindah

ke Kampung Tanjung Chat, Kota Bharu dan Raja Haji berpindah ke Selatan Thailand (Mohd. Akib, 2003).

Di masjid tersebut telah menjadi tempat anak mukim Kampung Laut berkumpul dan bermesyuarat di samping aktiviti-aktiviti amal ibadat yang lain. Di situ juga terdapat ruangan-ruangan khas seperti serambi, balai lintang, serambi besar, wakaf orang kaya di samping rumah ibu masjid tersebut (Mohd. Akib, 2003). Menurut Encik Harun Hasan, Masjid Kampung Laut yang dibina oleh pendakwah Champa ini, pernah menjadi tempat Tok Kenali beramal ibadat termasuk juga Tok Wali Haji Umar. Beliau menambah bahawa, dengan kewujudan masjid tersebut lahirlah sebuah pondok pengajian agama yang diasaskan oleh Tok Ayah Haji Abdullah Bin Musa. Di pondok itu juga, lahir juga satu tarikat yang dikenali sebagai Tarikat Ahmadiyah dan diamalkan oleh pengikutnya (Hasan, 2009).

Pada zaman pemerintah Sultan Muhammad ke-IV antara tahun 1900 hingga 1920, Masjid Kampung Laut adalah antara sebuah masjid yang disenaraikan sebagai Masjid Negeri. Masjid Negeri dibiayai sepenuhnya oleh Majlis Agama Negeri Kelantan termasuk gaji kakitangan dan belanja pengurusan. Bagi pengawasan dan pengurusan masjid tersebut, jawatankuasa pengelola telah ditubuhkan dari semasa ke semasa. Tugasnya adalah untuk membantu imam dan pegawai-pegawai masjid menjalankan urusan harian bagi kemajuannya (Mohd. Akib, 2009).



Rajah 2: Sejarah Masjid Lama Kampung Laut



Rajah 3: Sejarah Masjid Lama Kampung Laut mengikut tahun

Ancaman Runtuhan Dan Banjir

Masjid Kampung Laut yang terletak di tebing Sungai Kelantan telah menerima bencana hakisan dari air sungai dan juga banjir yang berlaku hampir setiap tahun. Akibatnya tebing Sungai Kelantan di Kawasan Kampung Laut mulai terhakis dengan banyak terutama berlaku banjir besar pada akhir tahun 1966. Keadaan masjid tersebut selepas dilanda banjir disebut oleh Tan Sri Hamdan Syekh Tahir iaitu Pengerusi Persatuan Sejarah Malaysia dalam ucapan Perasmian penyerahan balik masjid tersebut di Nilam Puri pada 8 Mei 1970. Antara lain:

“Manakala berlaku bah besar dalam tahun 1966, air telah naik hingga ke paras atap masjid itu dan manakala air bah surut, didapati tebing sungai tempat tapak masjid itu telah roboh dan dihanyutkan. Sebahagian dari kaki limanya telah roboh, begitu juga kolahnya. Bahkan lantai dan tiang-tiangnya pun telah menjadi senget dan membahayakan. Dengan itu, masjid pun ditutup dan kerajaan negeri telah mendirikan sebuah masjid yang baru menghala ke darat sedikit. Pada waktu itulah persatuan ini mengambil keputusan untuk menyelamatkan masjid bersejarah ini. Nyatalah sekiranya dibiarkan masjid itu akan roboh dengan sendirinya dan mungkin hanyut dalam bah yang berlaku kemudian kelak. Kebenaran pun diminta dan diperolehi dari kerajaan negeri untuk merobohkan dan memindahkan masjid itu ke sebuah tempat yang baru, iaitu ke tapak yang tanahnya diberikan oleh Kerajaan Negeri, tempat kita berada sekarang ini (Mohd. Akib, 2009).




Rajah 4: Keadaan masjid Kampung Laut selepas dilanda banjir pada tahun 1966.

Berpindah ke Nilam Puri

Keadaan masjid yang hampir runtuh di Kampung Laut akan lenyap dihanyutkan air sekiranya tidak di ambil tindakan segera untuk menyelamatkannya. Sebahagian tiang-tiang masjid sudah tergantung di antara dalam sungai dan tebingnya yang terhakis. Persatuan Sejarah Malaysia telah mengambil langkah segera dengan mencadangkan kepada Kerajaan Negeri Kelantan untuk memindahkan masjid tersebut ke tempat yang lebih selamat. Cadangan itu dipersetujui oleh Kerajaan Negeri. Persatuan Sejarah Malaysia juga diberi kebenaran untuk melaksanakan cadangan tersebut. Tapak baru juga telah dipersetujui iaitu di Nilam Puri, iaitu tanah kepunyaan Yayasan Islam Kelantan (YIK). Masjid ini dipindahkan di atas Lot No. 1468, Daerah Pendek, Kota Bharu iaitu Kawasan milik YIK kemudian menjadi Lot. No. 1624 apabila tanah tersebut diambil alih oleh Yayasan Islam Kelantan (Mohd. Akib, 2009).

Jarak dari Kota Bharu ke Nilam Puri sejauh 14 kilometer yang mana kawasan ini terletak rapat dengan jalan raya dari Kota Bharu ke Kuala Krai. Di sebelah utaranya adalah kawasan perkampungan penduduk di situ. Manakala di sebelah timur, bangunan Pejabat Lama Yayasan Islam Kelantan dan di sebelah selatan adalah kawasan padang milik Yayasan Islam Kelantan juga di sebelah baratnya adalah Kampus Asasi Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.



Rajah 5: Pemindahan Masjid Lama Kampung Laut ke Tapak Nilam Puri

Pemilihan tempat di Nilam Puri iaitu di tengah-tengah Institusi Pendidikan Islam amatlah sesuai dan tepat. Ianya boleh dijadikan suatu zon ‘serambi Mekah’ kerana kawasan tersebut terdiri daripada Yayasan Islam Kelantan, Akademi Pengajian Islam UM, Istana Nilam Puri (Istana AlMarhum Sultan Ismail) yang merupakan institusi tertinggi dalam bidang agama Islam di negeri ini (Mohd. Akib, 2009).



Rajah 6: Masjid Kampung Laut di tapak baru Nilam Puri

Bagai sireh pulang ke gagang

Selepas lebih 50 tahun Masjid Kampung Laut tegak berfungsi di bumi Nilam Puri sebagai pusat ibadat masyarakat sekitar terutama para pelajar pra Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (sebelum dipindahkan ke Bachok) dan pelajar Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), melalui detik perpindahan buat kali kedua. Perkembangan terkini, masjid ini dipindahkan sekali lagi ke tempat asal di tepi sungai Kampung Laut. Ia dilakukan dengan kerjasama beberapa pihak iaitu Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) sebagai badan pelaksana projek, Kerajaan Negeri Kelantan, Jabatan Warisan Negara, Arkib Negara Malaysia, Muzium Negeri Kelantan, dan Fakulti Seni bina Universiti Malaysia Kelantan. Kerjasama ini didorong oleh pelbagai faktor antaranya mengekalkan nilai-nilai sejarah, budaya dan seni bina masjid bagi memenuhi syarat pengiktirafan UNESCO sebagai tapak warisan dunia. Masjid Kampung Laut bakal menjadi mercu tanda warisan Islam di Kelantan.

Kerja-kerja pemindahan bermula pada 14 September 2020 dengan meleraikan struktur binaan yang diperbuat daripada kayu yang bermutu tinggi iaitu kayu cengal tanpa menggunakan sebarang paku, selain kehalusan ukiran yang menjadi tarikan utama kepada pelancong, penyelidik serta pelajar seni bina. Pembinaan semula telah selesai pada Januari 2022 dengan penambahan dua buah kompleks komersial bersebelahan Masjid Kampung Laut iaitu Laman Warisan dan Laman Seni sebagai tarikan sampingan sektor pelancongan di kampung tersebut. Selain daripada struktur masjid kampung Laut, mimbar asal berusia 400 tahun yang diletakkan di Masjid ArRahman, Kampung Surau Pasir Pekan semasa proses pemindahan yang pertama dan beduk di Masjid Muhammadi turut kembali ke lokasi asal.

(<https://bebasnews.my/2022/04/23/masjid-kampung-laut-binaan-wali-songo-kembali-ke-lokasi-asal/> (4 April 2023)).

Sementara itu, Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakob pula menyifatkan kejayaan pemindahan Masjid Kampung Laut umpama 'sirih pulang ke gagang', meskipun terdapat banyak cabaran untuk merealisasikannya terutama dalam tempoh pandemik COVID-19. Beliau berkata, kerajaan negeri akan membantu agensi terbabit supaya Masjid Kampung Laut boleh diwartakan sebagai Tapak Warisan Dunia bawah Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO). "Masjid Kampung Laut merupakan masjid bersejarah yang tidak ternilai warisannya. Usaha (mewartakan) ini bukan saja mengangkat nilai sejarah berkenaan, bahkan bakal menarik lebih ramai pelancong antarabangsa dan tempatan" (<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/04/948022/masjid-kampung-laut-dijangka-dibuka-kepada-awam-jun> (4 April 2023)).



Rajah7: Suasana Masjid Kampung Laut pada waktu malam

Aspek kesenian

Umum mengetahui negeri Kelantan merupakan sebuah negeri yang mempunyai keunikan dari segi adat dan budayanya yang tersendiri (Ahmad Zakaria, R. M, 2020). Negeri yang juga dikenali sebagai negeri Cik Siti Wan Kembang pada dahulunya, merupakan sebuah tempat pelabuhan yang penting di timur Tanah Melayu. Ia merupakan tempat persinggahan untuk pedagang-pedagang dari luar negara terutama dari China dan Arab. Hal ini telah banyak mempengaruhi gaya kehidupan dari segi sosiopolitik dan ekonomi masyarakat di negeri Kelantan (Zainal Abidin & Haji Hamzah, 2018). Oleh kerana kemasukan pedagang-pedagang ini ke Kelantan, telah menyebabkan terdapat banyak perkongsian budaya yang dibawa masuk ke dalam kehidupan masyarakat tempatan.

Persembahan Rebana Kercing ini biasanya dilakukan pada hari-hari kebesaran seperti Hari Keputeraan Sultan Kelantan, majlis perkahwinan apabila dijemput, menyambut kedatangan pembesar-pembesar atau menteri-menteri dan juga majlis jemputan yang diminta oleh mana-mana pihak (Mohammad, 2001).

Asal-usul Seni Warisan Dikir Rebana Kercing

Bermula daripada aktiviti perdagangan, seni persembahan Dikir Rebana Kercing mula dibawa masuk oleh pedagang daripada Arab-Parsi ke Kampung Laut, Tumpat Kelantan. Tujuannya adalah untuk menyebarkan agama Islam dengan lebih mendalam kepada penduduk di Negeri Kelantan melalui seni persembahan tersebut (Azhar & Mohamed Rosdi, 2022). Dikir Rebana Kercing kemudian diperturunkan daripada satu generasi ke satu generasi dan telah dipelajari oleh masyarakat kampung termasuklah orang tua dan juga kanak-kanak. Menurut Mohd Nor (2020), pada permulaan seni persembahan ini wujud, ia telah dipelajari oleh masyarakat kampung khususnya golongan dewasa. Selain itu, masyarakat mula tertarik dengan seni persembahan ini kerana ia dilakukan secara ringkas dan dianggap satu hiburan pada masa lalu. Hassan (2019) menyatakan bahawa sekitar tahun 1990, seni persembahan ini mula berkembang daripada daerah Tumpat iaitu Kampung Laut kemudian di bawa ke daerah yang lain seperti Pasir Mas dan Rantau Panjang.

Rebana Kercing juga dikenali dengan nama “Zikir Indera” atau “Nyanyian Sambutan”. Menurut Harun Hasan atau dikenali dengan panggilan Pak Su Harun, Dikir Rebana Kercing ini ada hubung kait dengan kewujudan Masjid Kampung Laut kerana ia datang selepas kewujudan masjid ini (Mat Yusoff, 2009). Menurut beliau lagi, Kampung Laut adalah lokasi strategik untuk persinggahan pedagang-pedagang dari pelbagai negara. Maka, pendakwah dari Parsi ini berdagang di kawasan ini sambil berpeluang menyebarkan agama Islam dengan cara persembahan Dikir Rebana Kercing. Rebana ini turut bertapak di kawasan berhampiran seperti di Kampung Tapang, Pasir Hor, Tendong, Pengkalan Pasir dan Salor. Semua Kawasan ini adalah kawasan lingkaran Sungai Kelantan, iaitu terletak di tepi sungai tersebut. Bagaimanapun, kesenian ini masih kekal di Kampung Laut sahaja kerana kemungkinan disebabkan perkembangan masa dan perubahan zaman.

Hasan (2019) menyatakan bahawa sekitar tahun 1990, seni persembahan ini mula berkembang daripada daerah Tumpat iaitu Kampung Laut kemudian di bawa ke daerah yang lain seperti Pasir Mas dan Rantau Panjang. Sebuah kumpulan telah ditubuhkan dan dipanggil kumpulan ‘Paksu Besar’ yang diuruskan oleh Pak Amin. Seterusnya Pak Amin telah menubuhkan dua buah kumpulan iaitu yang pertama dikendalikan oleh Paksu Harun dan yang kedua diuruskan oleh Wan Ibrahim bin Abas. Namun, kumpulan yang diuruskan oleh Wan Ibrahim tidak diteruskan dan tidak mempunyai pewaris lalu kumpulan tersebut lenyap begitu sahaja manakala kumpulan yang diuruskan oleh Paksu Harun masih diteruskan sehingga ke hari ini.

Dikir ini berperanan menarik kanak-kanak dan remaja untuk mendekati agama Islam seterusnya untuk membentuk keperibadian dan jati diri individu. Persembahan Rebana Kercing adalah berasaskan memuji Allah SWT dan Nabi SAW serta menghayati sejarah perjuangan para sahabat Rasulullah SAW sambil kanak-kanak menari. Dikir ini hanya lebih kepada pergerakan sahaja dan diakhiri dengan doa (Mat Yusoff, 2009).



Rajah 8: Persembahan Dikir Rebana Kercing

Elemen-elemen yang ada dalam seni Dikir Rebana Kercing

Elemen-elemen yang ada dalam seni warisan Dikir Rebana Kercing ini mempunyai tiga elemen penting bagi menyempurnakan sesebuah persembahan. Elemen-elemen tersebut ialah lagu, tarian dan paluan rebana kercing itu sendiri (Che Mohd Amran et al, 2021).

Secara umumnya, Dikir Rebana Kercing mempunyai beberapa alat untuk mengadakan persembahan. Bilangan rebana dalam satu-satu persembahan bergantung kepada bilangan orang dewasa yang memalukan rebana tersebut. Biasanya bilangan rebana tersebut adalah sebanyak 10 buah yang menyamai bilangannya dengan 10 orang anggota kumpulan yang memainkannya (Farouk, 1989). Corak persembahan dan pergerakan Dikir Rebana Kercing adalah tarian dan nyanyian. Keseluruhan anggota kumpulan dikir ini terdiri daripada kaum lelaki sahaja dan sehingga kini tradisi ini masih berkekalan.

Menurut Mohd Nor (2020), seni persembahan Dikir Rebana Kercing ini pada awalnya merupakan sebuah persembahan dalam yang hanya dipersembahkan di dalam istana, majlis kehormat dan juga majlis-majlis besar seperti berkhatan. Dengan kata lain, rakyat biasa tidak akan dapat melihat seni persembahan ini melainkan di dalam kawasan istana. Persembahan yang dilakukan pula adalah berbentuk perlawanan dimana dua buah kumpulan saling berbalas persembahan di dalam bentuk tarian dan lagu. Setiap persembahan ditarikan selama 20 hingga 30 puluh minit dengan ahli setiap kumpulan seramai 22 orang yang terdiri daripada 12 orang ahli muzik dan 10 orang penari.

Seni persembahan Dikir Rebana Kercing merupakan sebuah persembahan yang berunsurkan islamik. Menurut Mohd Nor (2020), pada awal kedatangan seni persembahan ini ke Negeri Kelantan, pakaian yang digunakan tidak berunsurkan Islamik. Pakaian yang digunakan ketika seni persembahan dimainkan adalah seluar pendek, bercapal, berstokin dan bersongkok. Kesemua pakaian penari dan pemuzik adalah sama dari segi warna dan rekaan. Kenyataan ini turut disokong oleh Wan Mohd Asri (2020) yang mana meskipun tarian yang dipersembahkan adalah berkisarkan agama Islam, namun pakaian yang digunapakai masih belum mengikut peredaran zaman. Bukan itu sahaja, ajaran agama Islam pada ketika itu masih tidak berkembang sepenuhnya.



Rajah 9: Persembahan Rebana Kercing di majlis perkahwinan penulis dan pasangan

Pada masa kini

Dikir Rebana Kercing dilihat mengalami sedikit masalah dengan beberapa faktor seperti kewangan dan pengaruh budaya moden. Namun pihak Persatuan Dikir Rebana Kercing sentiasa berusaha untuk menarik minat masyarakat terutamanya golongan kanak kanak dan remaja. Pelbagai usaha telah dijalankan termasuklah menyediakan dana khas untuk sesiapa sahaja yang menyertai Latihan Rebana Kercing. Bukan itu sahaja penglibatan pihak lain seperti Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) negeri Kelantan juga turut menjadi salah satu tunjang untuk mengangkat kembali seni persembahan ini. Oleh yang demikian pada masa kini seni persembahan ini masih lagi diteruskan namun ia memerlukan banyak usaha untuk terus diangkat kembali dan menjadi salah satu seni persembahan yang utama di daerah Tumpat khususnya di Kampung Laut (Azhar & Mohamed Rosdi, 2022).



Rajah 10: Harun Hasan, generasi ke-5 pertahankan warisan tarian Rebana Kercing

Aspek Ekonomi

Pada akhir abad ke-19 hingga awal abad ke-20, boleh dikatakan keseluruhan penduduk terlibat di dalam kegiatan perusahaan dan perniagaan kecuali sebahagian kecil sahaja yang terlibat dalam kegiatan pertanian. Menurut Wan Mamat Wan Seman, pada tahun 1830-an penduduk kampung Laut telah menjalankan perniagaan di pasar. Antara barang-barang yang dipasarkan ialah ikan, sayur-sayuran, dan tembikai. Perkembangan perniagaan dan perusahaan dipengaruhi oleh kedudukan geografinya iaitu terletak di tepi Sungai Kelantan, berhampiran dengan muara dan juga berhampiran dengan bandar Kota Bharu iaitu ibu negeri Kelantan. Ini kerana sungai merupakan jalan perhubungan yang utama pada waktu itu. Pedagang-pedagang dari luar datang berniaga melalui muara yang kedudukannya berdekatan dengan Kampung Laut. Secara tidak langsung Kampung Laut menjadi tumpuan dan tempat persinggahan utama sebelum meneruskan perjalanan ke Kota Bharu dan lain-lain tempat sepanjang Sungai Kelantan (Nik Mohd Nor, 1983).

Perusahaan serunding Kampung Laut

Serunding berasal dari Negeri Kelantan Darul Naim dan banyak diusahakan secara tradisional di Kampung Laut, Jajahan Tumpat, Kelantan. Kini Kampung Laut menjadi pusat pembuatan serunding yang terbesar di Malaysia. Antara tahun 1900-an hingga pada masa berlaku Perang Dunia II iaitu pada tahun 1941, pelbagai perusahaan makanan telah timbul di Kampung Laut seperti sambal daging atau serunding, dodol dan keropok. Perusahaan makanan ini masyhur hingga ke hari ini bahkan semakin ramai yang mengeluarkan produk ini. Sebut sahaja perusahaan dari Kampung Laut, ia akan menjadi tarikan utama khususnya para pelancong kerana ianya sedap dan boleh tahan lama (Mohd. Akib, 2003).

Antara serunding yang biasa adalah Serunding Daging, Ayam dan Ikan. Ia adalah hidangan yang lazim pada Hari Raya Puasa dan Hari Raya Haji. Masyarakat Melayu selalu membuat serunding terutama apabila banyak daging korban (Hari Raya Haji). Serunding boleh dimakan dengan nasi himpit, ketupat nasi, ketupat daun palas, lemang dan lain-lain. Menurut Hasan (2009), orang yang bermula mempopularkan perusahaan serunding ialah Tok Su Yam seawal tahun 1940. Beliau juga menambah, pernah ada suatu Ketika orang China membuka perniagaan di Kampung Laut antara tahun 1946 hingga 1948, tetapi ia tidak kekal lama atas sebab tertentu. Kemungkinan Kampung Laut adalah penduduk majoritinya bangsa Melayu.

Laman Serunding Kampung Laut

Projek pembangunan Kampung Laut bernilai RM40 juta melibatkan dua komponen iaitu Laman Warisan Seni dan Laman Warisan Serunding, menunjukkan impak positif buat usahawan serta penduduk sekitarnya apabila mereka tidak menang tangan menerima kunjungan pelancong. Projek pembangunan Kampung Laut merupakan salah satu inisiatif Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) untuk mengekalkan tradisi perkampungan, di samping meningkatkan taraf sosioekonomi penduduk setempat melalui peluang keusahawanan. Laman Warisan Serunding menyediakan 11 unit kedai bagi pengusaha tempatan yang menghasilkan serunding, dodol serta produk-produk usahawan industri kecil dan sederhana (IKS), untuk memasarkan hasil jualan mereka <https://www.sinarharian.com.my/article/220372/edisi/kelantan/laman-warisan-seni-laman-warisan-serunding-jadi-tumpuan>.



Rajah 11: Nafas Baharu Laman Warisan Serunding



Rajah 12: Laman Serunding

Kesimpulan

Kesan pengaruh Islam ke Asia Tenggara khususnya di Kampung Laut banyak diperlihatkan sehingga hari ini. Antaranya Masjid Kampung Laut yang telah dibina oleh sekumpulan alim ulama yang sedang dalam perjalanan dari Champa menuju ke Tanah Jawa. Kemungkinan besar mereka itu adalah seangkatan dengan kumpulan Wali Sembilan ini. Sekiranya andaian ini benar, maka Masjid Kampung Laut mungkin telah dibina akhir abad ke-16 iaitu terkemudian sedikit daripada Masjid Kuno di Champa. Ini bersesuaian dengan kenyataan bahawa pada abad ke-16 Masihi, Champa menjadi sebuah negeri Islam yang terkemuka dan telah mengembangkan peranan dakwahnya ke kawasan Patani, Pantai Timur Malaysia dan Tanah Jawa.

Masjid Kampung Laut telah menerima perubahan-perubahan yang menarik sejak ianya dibina. Bermula dengan cara yang ringkas pada peringkat awalnya kepada perkembangan pembesaran dan melengkapkannya sebagai sebuah masjid yang terkemuka di zaman itu. Bagi sireh pulang ke gagang, dari tempat dipindahkan di Nilam Puri, Masjid Kampung Laut dikembalikan semula ke tempat asal dibina. Masjid Kampung Laut merupakan masjid bersejarah yang tidak ternilai

warisannya. Ia bukan saja mengangkat nilai sejarah berkenaan, bahkan akan menarik lebih ramai pelancong antarabangsa dan tempatan ke situ.

Selain itu juga, dapat dilihat pengaruh Parsi-Arab dalam kesenian warisan Dikir Rebana Kercing yang masih kekal ke hari ini di Kampung Laut. Kedatangan Dikir Rebana Kercing dari Arab-Parsi bermula di Masjid Kampung Laut, Tumpat yang mana pada ketika itu masjid telah dibina dan dijadikan tempat untuk menyebarkan agama Islam. Dikir Rebana Kercing bermula di Kampung Laut di dalam Daerah Tumpat, Kelantan dan kemudiannya telah diperkenalkan ke daerah lain seperti Rantau Panjang, Pasir Mas dan sebagainya namun ia tidak diteruskan sepenuhnya.

Dikir Rebana Kercing di bawa masuk oleh pedagang Arab-Parsi dengan tujuan untuk menyebarkan agama Islam serta diperluaskan lagi seni budaya mereka. Persembahan hiburan dalam kesenian tradisi rakyat Kelantan amat tinggi nilai estetikanya. Masyarakat Kampung Laut sangat kuat berpegang pada ajaran Islam, tidak hairanlah jika syair Rebana Kercing dalam Bahasa Arab masih kekal hingga ke hari ini walaupun telah berusia lebih 150 tahun. Dikir Rebana Kercing ini mempunyai keunikan dan keistimewaannya yang tersendiri jika dibandingkan dengan dikir-dikir yang lain. Namun jika tidak dijaga dengan baik, ia mungkin hilang ditelan zaman. Oleh itu, seni persembahan dan seni tarian tradisional ini hendaklah dipelihara dengan baik kerana, ia merupakan sebuah simbol perpaduan dan identiti ikonik di negeri Cik Siti Wan Kembang.

Di samping itu, dalam bidang ekonomi diperlihatkan perusahaan serunding dan keropok semakin mendapat sambutan dan laris di pasaran tempatan. Kebiasaanya perusahaan ini adalah turun temurun dari orang tua sehingga diperluaskan oleh anak-anak dan cucu mereka. Dan diyakini resepi juga mengikut yang asal dihasilkan sehinggakan terdapat kilang-kilang yang diusahakan oleh keluarga tertentu sejak bertahun-tahun lamanya. Ini menunjukkan perusahaan ini semakin popular hingga ke saat ini ditambah juga dengan perusahaan yang lain seperti dodol dan gelembung buaya.

Secara keseluruhannya, kajian ini menepati objektif yang dibincangkan dalam setiap aspek keagamaan, kesenian dan ekonomi. Seharusnya kita bangga sebagai rakyat Malaysia, kedatangan Islam ke Asia Tenggara telah meninggalkan banyak impak yang tidak ternilai, menarik dan perlu diperkembangkan demi mempertahankan nilai-nilai Islam dalam jati diri masing-masing. Harapan penulis dalam kajian ini dapat memberikan pengetahuan yang mendalam tentang aspek-aspek yang telah diuraikan sebelum ini. Kajian ini juga dapat membantu dan menarik minat para pengkaji dan generasi hari ini dan akan datang untuk lebih mendalami dan meneroka lebih lanjut dalam seni pembinaan masjid Kampung Laut. Setiap rekaan dan binaan masjid itu mempunyai nilai kesenian yang amat tinggi. Selain itu, penulis juga mengharapkan penghayatan terhadap seni warisan Rebana Kercing tidak hilang begitu sahaja. Justeru, langkah pemuliharaan warisan ini perlu dipelihara hingga ke anak cucu akan datang supaya kesenian ini tidak telan dek zaman.

Rujukan

- Abdul Rahman Al-Ahmadi (1990). Cet.Pertama. *Bangunan Kuno Masjid Kampung Laut: Hubungannya Dengan Campa dan Demak*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Ahmad Farhan Bin Che Mohd Amran, Norin Izati Binti Hussin & Azman Mat Isa (2021). *Rebana Kercing Seni Warisan Yang Semakin Ditinggalkan*. Jurnal Sejarah Lisan Malaysia Issn 2600-7088 Jilid 5 Isu 1.
- Alias Mohamed (1984). *Gerakan Sosial & Politik Kelantan*. Kuala Lumpur: Insular Publishing House Sdn.Bhd.
- Harun bin Hasan. (2019, 8 Ogos) Seni Persembahan Dikir Rebana Kercing.
- Maziah Zee Abdullah. (2000). *Rebana Kercing Tradisi Kesenian Islam di Kelantan*. Latihan Ilmiah. Jabatan Kesenian Melayu, Akademi Pengajian Melayu. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd. Hussin Khaliei Hj.Awang (1970). Cet.Pertama. *Kelantan Dari Zaman Ke Zaman*. Kota Bharu: Syarikat Dian Sdn.Bhd.
- Mohd Khairul Nizam bin Mat Yusoff (2009). *Masjid Kampung Laut: Satu Kajian dari Sudut Sejarah dan Sumbangannya terhadap Masyarakat Islam*. Projek Ilmiah Ijazah Sarjanamuda Pengajian Arab dan Tamadun Islam. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin & Norhayati Haji Hamzah. (2018). *Perkembangan Islam Di Kelantan: Analisis Terhadap Manuskrip Sejarah Negeri Kelantan*. Jurnal Al-Tamaddun 13(2), 133-147. Dicapai daripada <https://doi.org/10.22452/JAT.vol13no2.12>
- Nor Baizura Bt. Mohammad. (2001). *Rebana Kercing Kampung Laut, Satu Kajian Kes*. Projek Ilmiah Ijazah Sarjanamuda Sastera. Bangi :Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Asfarahanim binti Muda. (2012). *Simbolisme Masjid Kampung Laut*. Projek Ilmiah Ijazah Sarjanamuda Seni Gunaan dengan kepujian (Pengurusan Seni). Universiti Malaysia Sarawak.
- Nur Hazirah & Ros Mahwati Ahmad Zakaria, R. M. (2020). *Pelestarian Permainan Muzik Kertuk Dalam Kalangan Penduduk Di Negeri Kelantan*. International Journal Of The Malay World And Civilisation 8(2), 11-18. Doi:10.17576-2020-0802-02
- Omar Farouk Bajunid. (1989). Cet.Pertama. *Pengantar Kesenian Kelantan*. Kuala Lumpur, Asrama Zaa'ba, Universiti Malaya.
- Salleh Mohd. Akib. (2003). Cet.Pertama. *Masjid Tua Kampung Laut, Kota Bharu*. Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Wan Azmi Mohd Nor. (2020, 7 Julai) Dikir Rebana Kercing.
- Wan Mohd Asri. (2020, 4 Januari) Persembahan Dikir Rebana Kercing
- Wan Nur Iylea Lyana Binti Azhar & Norazlinda Binti Mohamed Rosdi. (2022). *Perkembangan Dikir Rebana Kercing Di Kampung Laut, Tumpat Kelantan, Malaysia: Satu Tinjauan Awal*. umk.edu.my. <http://journal.umk.edu.my> > teniat > article > view
- Yusoff Nik Mohd. Nor. (1983). Bil 2. *Sejarah Kampung Laut*. Kuala Lumpur, Persatuan Sejarah Malaysia.
- (<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/04/948022/masjid-kampung-laut-dijangka-dibuka-kepada-awam-jun> (4 April 2023).
- (<https://bebasnews.my/2022/04/23/masjid-kampung-laut-binaan-wali-songo-kembali-ke-lokasi-asal/>(4 April 2023).